

16/09/1997

Presiden Sri Lanka mulakan lawatan empat hari

KUALA LUMPUR, Isnin - Presiden Sri Lanka Chandrika Kumaratunga tiba di sini hari ini untuk mengadakan lawatan rasmi empat hari ke Malaysia, lawatan pertama oleh seorang ketua negara itu sejak kedua-dua negara menubuhkan perhubungan diplomatik pada 1957.

Dalam keadaan udara berjerebu yang meliputi Malaysia sejak beberapa minggu lepas, kapal terbang khas yang membawa presiden itu mendarat di lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang pada jam 4.25 petang.

Ketibaan Kumaratunga dan rombongannya disambut Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Zaleha Ismail, selaku menteri pengiring.

Turut hadir ialah Menteri Luar Sri Lanka Lakshman Kadirgamar, yang tiba di sini semalam.

Kumaratunga yang melakukan lawatan itu dengan tujuan utama meningkatkan hubungan perdagangan antara Sri Lanka dan Malaysia, kemudian dibawa ke Medan Parlimen untuk upacara sambutan rasmi.

Ketika di sini, beliau akan mengunjungi Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan mengadakan rundingan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kumaratunga dijadual memberi ucapan kepada pelabur di satu majlis jamuan tengah hari yang diadakan oleh Dewan Perniagaan dan Perindustrian Nasional Malaysia (NCCIM) dan mengadakan ceramah umum pada majlis anjuran Institut Diplomasi dan Perhubungan Luar.

Satu seminar pelaburan anjuran NCCIM dengan kerjasama Lembaga Pelaburan Sri Lanka juga akan diadakan ketika lawatan presiden itu.

Pesuruhjaya Tinggi Sri Lanka ke Malaysia Dr Warnasena Rasaputram berkata Malaysia mengeksport barangan bernilai RM397 juta ke Sri Lanka tahun lalu manakala eksport Sri Lanka ke Malaysia berjumlah RM66 juta dalam tempoh itu.

Lawatan terakhir ketua kerajaan Sri Lanka ke Malaysia ialah Perdana Menteri, Dudley Senanayake pada 1967. - Bernama

(END)